

**Malaysia, Turkmenistan Tubuh Suruhanjaya Bersama
Bernama
27 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Turkmenistan bersetuju menubuhkan sebuah Suruhanjaya Bersama bagi meningkatkan lagi kerjasama ekonomi dua hala antara kedua-dua negara.

Perkara itu dipersetujui pada mesyuarat antara Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan rakan sejawatannya dari Turkmenistan, Rashid Meredov, semasa lawatan kerja dua hari beliau ke Ashgabat yang berakhir Khamis.

Lawatan itu bertepatan dengan ulang tahun ke-20 hubungan diplomatik yang terjalin antara kedua-dua negara, kata Kementerian Luar dalam kenyataan hari ini.

Kenyataan itu menyebut bahawa pada pertemuan dengan Meredov, Anifah membangkitkan pelbagai perkara seperti bidang pengajian tinggi, pembangunan infrastruktur, pengangkutan, industri pembinaan, produk halal dan pelancongan dengan tujuan meningkatkan hubungan dua hala ke tahap lebih tinggi.

Anifah juga membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Turkmenistan.

Gurbanguly Berdimuhammedov yang melahirkan penghargaan terhadap keputusan Kuala Lumpur menempatkan Duta Besar pertama Malaysia di Ashgabat.

"Presiden (Berdimuhammedov) juga melahirkan rasa puas hati dengan tahap hubungan dua hala negaranya dengan Malaysia serta menganggap Malaysia sebagai rakan negara yang strategik khususnya dengan penglibatan Petronas dalam membangunkan industri minyak dan gas negaranya," kata Kementerian Luar.

Di samping itu, kenyataan itu menyebut Berdimuhammedov turut merakamkan penghargaan beliau kepada Malaysia yang telah melatih rakyatnya dalam pelbagai bidang pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683800>

